PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	16/5/2013

KABINET BARUAN 2013

BH-16/5/2013

SEKILAS KABINET BAHARU

MUKA BAHARU
MENTERI

- **Abdul Wahid Omar** Jabatan Perdana Menteri
- **Shahidan Kassim** Jabatan Perdana Menteri
- **Nancy Shukri** Jabatan Perdana Menteri
- **Paul Low Seng Kwan** Jabatan Perdana Menteri
- **Idris Jusoh** Pelajaran dan Pengajian Tinggi II
- **Abdul Rahman Dahlan** Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- **Khairy Jamaluddin Abu Bakar** Belia dan Sukan
- **Tengku Adnan Tengku Mansor** Wilayah Persekutuan
- **Dr. Ewon Ebin** Sains, Teknologi dan Inovasi

MUKA BAHARU
TIMBALAN MENTERI

- **P. Waythamoorthy** Jabatan Perdana Menteri
- **Mary Yap Kain Ching** Pelajaran dan Pengajian Tinggi 1
- **P. Kamalanathan P. Panchanathan** Pelajaran dan Pengajian Tinggi 2
- **Ab. Aziz Kaprawi** Pengangkutan
- **Hamim Samuri** Perdagangan Antarabangsa dan Industri
- **Ahmad Bashah Md. Hanipah** Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
- **Jailani Johari** Komunikasi dan Multimedia
- **Ismail Abd. Muttalib** Sumber Manusia
- **Alexander Nanta Linggi** Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
- **Dr. Hilmi Yahaya** Kesihatan
- **Dr. J. Loga Bala Mohan** Wilayah Persekutuan
- **Mahdzir Khalid** Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
- **Tajuddin Abdul Rahman** Pertanian, Industri Asas Tani
- **Dr. Abu Bakar Mohamad Diah** Sains, Teknologi dan Inovasi
- **Azizah Mohd. Dun** Wanita, Keluarga dan Masyarakat

INFO

SENARAI KEMENTERIAN BAHARU

- Kementerian Pelajaran (Kementerian Pengajian Tinggi diletakkan dibawahnya)
- Kementerian Komunikasi dan Multimedia (sebelum ini Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan).
- Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (sebelum ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan).
- Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (sebelum ini Kementerian Pelancongan).
- Kementerian Wilayah Persekutuan (sebelum ini Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar).

Kabinet mantap, dinamik – TPM

Oleh NORAINI ABD. RAZAK, NORLIZA ABD. RAHMAN dan THOMAS CHONG
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 15 Mei - Tan Sri Muhyiddin Yassin menyifatkan Kabinet baharu yang diumumkan hari ini sebagai barisan yang mantap dan dinamik dengan menggandingkan pemimpin muda serta berpengalaman untuk melaksanakan transformasi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Kabinet baharu menggabungkan pemimpin yang berpengalaman di dalam dan luar kerajaan termasuk pakar dalam bidang perdagangan dan teknokrat.

"Di samping itu terdapat juga tenaga dinamik, orang muda seperti Khairy Jamaluddin, Datuk Rahman Dahlan dan Datuk Fadillah Yusof yang menunjukkan prestasi cemerlang sebagai Ahli Parlimen sebelum ini," katanya.

Beliau mengulas pengumuman Jemaah Menteri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Bangunan Perdana Putra di sini.

Dalam pada itu, Muhyiddin berkata, amanah untuk menerajui Kementerian Pelajaran dan Pengajian Tinggi merupakan satu tanggungjawab besar yang merangkumi pendidikan prasekolah sehingga ke universiti.

"Ini tentunya sesuatu yang amat mencabar. Ia memerlukan lebih perancangan selain pelaksanaan yang berkesan," katanya.

Sementara itu, Muhyiddin berkata, pelantikan Khairy sebagai Menteri Belia dan Sukan adalah sesuai kerana Ketua Pemuda UMNO itu diyakini memahami aspirasi generasi muda.

"Tentu beliau ada inisiatif tertentu bagi menarik generasi muda untuk bersama-sama menjayakan pembangunan negara," katanya.

Mengenai perwakilan MCA dalam Kabinet pula, Muhyiddin berkata, ia tertangguh sehingga pemimpin parti itu membuat keputusan lebih lanjut mengenai perkara itu.

"Ia akan diambil kira Perdana Menteri apabila MCA membuat keputusan untuk bersama-sama dalam Kabinet dan sebagainya," katanya.

Reaksi Kabinet baharu

≥ APA KATA MEREKA

KEPERCAYAAN Perdana Menteri amat saya hargai. Ini satu tanggungjawab baharu. Saya akan tingkatkan usaha menteri terdahulu agar isu-isu melibatkan pengguna dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin.

"Saya akan mengadakan lebih banyak pertemuan antara persatuan pengguna, peniaga dan pedagang dengan kementerian supaya semua perkara berbangkit dapat dibawa berbincang di meja rundingan.

- DATUK HASAN MALEK
Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Keselamatan rakyat keutamaan Zahid Hamidi

KUALA LUMPUR 15 Mei - Menteri Dalam Negeri yang baharu, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berikrar meletakkan keselamatan rakyat dan keharmonian negara sebagai keutamaan selepas diberi tanggungjawab mengetuai kementerian tersebut dalam suhu politik sekarang.

Katanya, tanggungjawab itu akan dilaksanakan mengikut lunas undang-undang sedia ada dan bukan semberono walaupun pelbagai pihak khususnya majoriti rakyat mahu Kementerian Dalam Negeri lebih 'bertaring' dan 'berkuku'.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kerana memberi kepercayaan kepada beliau mengetuai kementerian tersebut, Ahmad Zahid berkata, semua pihak perlu meletakkan keselamatan negara sebagai keutamaan.

Dalam masa sama, beliau yakin gandingan bersama Timbalannya, Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jafar serta Ketua Polis Negara baharu, Tan Sri Khalid Abu Bakar dan Timbalan Ketua Polis Negara baharu, Datuk Seri Mohd. Bakri Mohd. Zinin mampu menggalas harapan rakyat.

"Saya sedar harapan tinggi rakyat tetapi saya akan bertindak mengikut undang-undang.

"Bagi saya harga untuk kita melakukan pencegahan adalah lebih murah berbanding harga yang perlu dibayar untuk penyelesaian apabila berkait dalam soal keselamatan negara," kata bekas Menteri Pertahanan itu ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

MAJORITI rakyat Malaysia kini terganggu dengan perhimpunan haram anjuran parti pembangkang yang mempertikaikan keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13.

Tukar portfolio ke Kementah satu amanah besar – Hishammuddin

PUTRAJAYA 15 Mei - Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein menyifatkan pelantikannya sebagai Menteri Pertahanan dalam barisan Kabinet baharu merupakan satu amanah besar.

Beliau yang sebelum ini memegang portfolio Menteri Dalam Negeri berjanji untuk memikul amanah dengan sebaik mungkin demi agama, bangsa dan negara.

"Terima kasih kepada Perdana Menteri atas kepercayaan melantik saya sebagai Menteri Pertahanan Malaysia dan juga memangku Menteri Pengangkutan.

"Saya akan bersama dengan Perdana Menteri bagi meneruskan agenda transformasi kerajaan khususnya di Kementerian Pertahanan (Kementah)," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Serentak itu, Hishammuddin berkata, beliau akan memastikan inisiatif transformasi kerajaan untuk kementerian terbabit dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

"Saya pasti inisiatif transformasi yang diperkenalkan di Kementerian Dalam Negeri (KDN) selama lima tahun ini telah menampakkan hasil dan usaha ini akan saya teruskan di Kementerian Pertahanan," katanya.

INI adalah satu amanah dan tanggungjawab besar yang diberikan oleh Allah SWT kepada saya untuk memimpin agensi agama Islam di negara ini. Saya mengharapkan umat Islam di negara ini menyokong dan membantu saya menjayakan Islam.

"Lupakan konflik dan rakyat perlu bantu kerajaan untuk memartabatkan syiar Islam.

- DATUK SERI JAMIL KHIR BAHAROM
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Suara orang muda dalam Kabinet baharu

KUALA LUMPUR 15 Mei - Pemimpin-pemimpin generasi muda Barisan Nasional (BN) melahirkan penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kerana mengangkat suara orang muda dalam barisan Kabinet yang baharu.

Pengerusi Pemuda Barisan Nasional (BN), **Khairy Jamaludin** melahirkan rasa syukur kepada Allah SWT atas pelantikannya sebagai Menteri Belia dan Sukan dalam Kabinet baharu itu dan akan berusaha sedaya upaya melaksanakan agenda transformasi orang muda.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Najib Tun Razak, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin serta seluruh anggota Pemuda UMNO yang telah banyak menyokong saya.

"Amanah yang dipikul ini cukup berat untuk agenda transformasi orang muda, banyak perkara yang perlu ditumpukan termasuk pembangunan sukan serta pembangunan belia agar kita lebih rapat dengan generasi tersebut.

"Saya akan meluangkan masa selama dua minggu untuk mendengar pandangan semua pihak sebelum merangka sebarang perancangan untuk melaksanakan agenda transformasi," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, Ahli Parlimen Kota Belud, **Datuk Abdul Rahman Dahlan** melahirkan penghargaan kepada Perdana Menteri yang melantiknya sebagai Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

"Tanggungjawab ini amat besar dan saya akan melakukan yang terbaik untuk Malaysia. Saya yakin pelantikan ini adalah sebahagian usaha Perdana Menteri untuk memberikan nafas baharu kepada generasi muda," katanya.

Dalam pada itu, ahli Parlimen Batang Sadong, **Nancy Shukri**, melahirkan rasa syukur kerana sama sekali tidak menduga akan menjadi muka baharu yang dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

"Ini merupakan satu penghargaan kepada negeri Sarawak yang memang setia dengan BN dan merupakan tanda pucuk pimpinan mendengar seruan rakyat bumi Kenyalang yang menyuarakan hasrat agar lebih ramai wakil dari negeri ini," katanya.

Sementara itu, Naib Ketua Pemuda UMNO, **Datuk Razali Ibrahim** yang bertukar portfolio daripada Timbalan Menteri Belia dan Sukan kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, aspirasi orang muda akan sentiasa dibawa oleh kerajaan untuk melaksanakan agenda transformasi negara.

"Saya ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri yang terus memberikan kepercayaan kepada saya. Begitu juga dengan Kementerian Belia dan Sukan. Pengalaman selama empat tahun ini saya akan manfaatkan sepenuhnya," katanya.

Joseph Salang tolak pelantikan

KUALA LUMPUR 15 Mei - Naib Presiden Parti Rakyat Sarawak (PRS), Datuk Joseph Salang Gandum hari ini menolak pelantikan dalam Kabinet baharu sebagai Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan.

Joseph Salang berkata, penolakan itu bukan bermaksud beliau tidak gembira dengan pelantikan sebagai timbalan menteri.

Sebaliknya beliau memberitahu, sekiranya diberikan pilihan antara menjadi timbalan menteri atau bersama keluarga, akan memilih keluarga.

"Melainkan itu adalah jawatan yang lebih tinggi atau menteri penuh yang membuatkan saya perlu memikirkan semula.

"Sekarang saya berpendapat lebih baik memberikan jawatan berkenaan kepada orang lain," katanya seperti dipetik oleh *The Star Online*.

Sebagai rekod, dalam barisan Kabinet yang lalu, Joseph Salang merupakan Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Maybank ucap tahniah

KUALA LUMPUR 15 Mei - Kakitangan Maybank mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Abdul Wahid Omar atas pelantikan beliau sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Pengerusinya, Tan Sri Megat Zaharuddin Megat Mohd. Nor berkata, pelantikan itu tepat dan bersesuaian dengan kepimpinan serta kecemerlangan Abdul Wahid sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) bank tersebut selama lima tahun.

"Abdul Wahid memainkan peranan penting dalam menerajui transformasi Maybank pada awal 2008 serta mengawasi perkembangan jejak serantau kami hingga menjadikan Maybank sebuah syarikat paling berharga yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

"Maybank sangat berbangga dengan penghormatan yang diberikan kepada Abdul Wahid dan kami percaya kualiti kepimpinan dan pengalaman beliau yang luas akan menjadi aset kepada negara," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, Megat Zaharuddin berkata, Maybank sedang meneliti calon yang sesuai bagi mengisi jawatan ditinggalkan Abdul Wahid.

Abdul Wahid akan guna pengalaman sebaik-baiknya

KUALA LUMPUR 15 Mei - Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang baharu, Datuk Seri Abdul Wahid Omar berkata, beliau akan menggunakan pengalaman yang dimiliki sepanjang kerjayanya dalam bidang swasta untuk manfaat negara.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank itu berikrar akan melakukan yang terbaik dan bersedia bekerjasama dengan pihak berkepentingan supaya wawasan ke arah negara maju pada 2020 dapat direalisasikan.

"Saya dengan rendah diri memikul tanggungjawab yang diberikan ke bahu ini bagi membantu merangka laluan ekonomi negara untuk masa depan.

"Tanggungjawab ini akan saya galas terutama dalam melaksanakan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang membolehkan Malaysia menjadi sebuah negara maju, berpendapatan tinggi, inklusif dan mapan," kataya dalam kenyataan di sini hari ini.

Muka baharu, berpengalaman diberi kepercayaan dalam Kabinet

KUALA LUMPUR 15 Mei - Muka-muka baharu termasuk golongan muda dan berpengalaman diberi kepercayaan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk menyertai barisan Kabinet bagi memastikan agenda transformasi naional dapat diteruskan.

Antara yang tersenarai ialah Presiden Transparency International Malaysia, Datuk Paul Low Seng Kuan yang sebelum ini bertindak selaku saksi ketika Najib menandatangani Ikrar Integriti Pilihan Raya Transparency International dalam mendukung integriti dan mempertegukan komitmen memerangi rasuah terutama pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Beliau diumum sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, di samping Pengerusi Barisan Bertindak Hak Penganut Hindu (Hindraf), P. Waythamoorthy untuk jawatan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Hindraf dan Barisan Nasional (BN) pada 18 April lalu menandatangani memorandum persefahaman yang mengandungi enam perkara utama bagi memastikan golongan miskin berketurunan India tidak terpinggir dalam arus pembangunan negara.

Datuk Seri Jamil Khir Baharom yang memenangi kerusi Parlimen Jerai dikekalkan dalam barisan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, selain Senator Datuk Seri Idris Jala.

Kali ini, Najib memperkenalkan Kabinet yang mantap dengan menguangkan bilangan kementerian kepada 24 daripada 25 buah dan menyelaras beberapa aktiviti serta bidang tugas kementerian-kementerian.

Antara kementerian yang diselaraskan ialah Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi dengan digabungkan menjadi Kementerian Pelajaran dan Pengajian Tinggi dengan diterajui Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin serta Datuk Seri Idris Jusoh.

Selain itu, Najib turut menguumkan pertukaran portfolio Menteri Dalam Negeri yang kini disandang Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi manakala Menteri Pertahanan (Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein).

Kabinet baharu juga menyaksikan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan diselaraskan kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang diterajui Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Penyelarasan lain merangkumi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang 'diketuai' Datuk Abdul Rahman Dahlan dan timbalannya, Datuk Halimah Mohd. Sadique.

Kementerian lain yang terlibat dalam penyelarasan baharu ialah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dengan Menterinya dipegang bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin yang mempertahankan kerusi Parlimen Rembau menjadi 'tanuhan' baharu Najib untuk merapatkan hubungan kerajaan dan golongan muda apabila dilantik sebagai Menteri Belia dan Sukan.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga menerima menteri dan timbalan menteri baharu dengan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dilantik menerajui kementerian itu di samping Datuk Tajuddin Abdul Rahman selaku timbalannya.